

26 JAN 2001

Musa-Sekolah/(Bergambar)

SJK (C) DAMANSARA KEKAL DI PREMIS SEMENTARA

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Kementerian Pendidikan hari ini membuat keputusan muktamad supaya Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Damansara terus berada di premis sementara di SJK (C) Puay Chai II sehingga bangunan tetapnya siap dibina di Taman Tropicana oleh kerajaan dalam masa dua tahun.

Menterinya Tan Sri Musa Mohamad berkata kementerian membuat keputusan itu setelah menerima sepucuk surat pagi ini yang ditandatangani oleh lebih 1,000 orang ibu bapa mengesahkan pendirian mereka untuk menetap di premis sementara di SJK (C) Puay Chai II dan tidak bersetuju berpindah balik ke premis lama.

"Dalam pertemuan pada pagi ini, pihak PIBG (Persatuan Ibu Bapa dan Guru), Lembaga Pengurus dan pengurusan sekolah memaklumkan bahawa mereka telah berusaha bersungguh-sungguh memujuk ibu bapa berkenaan (yang enggan berpindah), termasuk menyediakan perkhidmatan bas percuma untuk murid-murid, tetapi pujukan mereka tidak berhasil.

"Saya berpuas hati bahawa murid-murid berkenaan telah diberikan segala peluang untuk belajar di premis sementara," katanya pada sidang media di pejabatnya, di sini hari ini.

Beliau berkata kementerian juga bersedia menguruskan pendaftaran ke sekolah-sekolah lain bagi baki 67 murid yang enggan berpindah ke SJK (C) Puay Chai II, jika diminta oleh ibu bapa terbabit.

"Saya juga ingin menegaskan bahawa sesiapa yang menjalankan aktiviti pendidikan tanpa permit yang sah dan menggunakan mana-mana premis yang tidak didaftarkan boleh didakwa di bawah Akta Pendidikan 1996," katanya.

Baru-baru ini akhbar melaporkan tindakan ibu bapa 67 murid terbabit yang telah menghantar anak mereka untuk belajar di sebuah tokong yang terletak berdekatan sekolah asal.

Musa berkata guru yang didapati mengajar di premis yang tidak didaftarkan dengan kementerian boleh dikenakan denda maksimum RM10,000 di bawah akta terbabit.

Langkah memindahkan ke premis sementara dibuat oleh kementerian setelah menerima rayuan daripada Guru Besar SJK (C) Damansara, Ong Siew Lye yang meminta perpindahan dipercepatkan sebelum sekolah baru siap kerana projek pembinaan berdekatan sekolah telah menyebabkan saluran paip air utama ke sekolah tersumbat sehingga menyebabkan najis di tandas melimpah.

Ditanya mengenai cadangan pertemuan dengan ibu bapa 67 murid yang enggan berpindah hari ini, Musa berkata kementerian telah membatalkannya setelah ibu bapa terbabit bertegas untuk menghantar wakil mereka yang bukan ibu bapa murid bagi mengadakan perbincangan.

Pada 15 Jan lepas, 67 murid terbabit telah mengadakan tunjuk perasaan di hadapan bangunan kementerian di Pusat Bandar Damansara dengan disertai bersama oleh Setiausaha Penerangan DAP Kebangsaan, Ronnie Liu, anggota Parlimen DAP Cheras, Tan Kok Wai dan Naib Presiden Parti Keadilan Nasional, Tian Chua.

Mengenai nasib sekolah asal, Musa berkata SJK (C) Damansara di tapak asal ditutup sebagai institusi sekolah dan penggunaan tapak asal untuk tujuan lain di masa hadapan akan dibincangkan bersama antara Lembaga Pengurus sekolah dan kementerian.

Dalam perkembangan lain, Musa berkata kementerian bersedia mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan Universiti Malaya (UM) sekiranya mereka menghadapi masalah untuk membuka semula Pusat Asasi Sains seperti yang telah dinasihatkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad.

"Saya pun nasihatkan UM, ikutlah nasihat itu (Dr Mahathir). Jadi, jikalau mereka menghadapi masalah kita boleh bincang," katanya.

Dr Mahathir semalam mengumumkan bahawa beliau telah menasihatkan supaya pusat itu terus dibuka.

Pihak UM sebelum ini bertegas bahawa pusat berkenaan terpaksa ditutup April ini selaras dengan arahan Kementerian Pendidikan.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Anuar Zaini Md Zain berkata, pihaknya tetap dengan pendirian untuk menutup pusat itu walaupun Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta dibatalkan rancangan tersebut.

Pusat Asasi Sains yang diwujudkan pada 1977 itu, ditubuhkan untuk membantu meningkatkan pencapaian pelajar Melayu dan Bumiputera dalam bidang sains pada peringkat pra universiti.

--BERNAMA

NY HS RI